

PPV bergerak percepat capaian imunisasi

Berita HARIAN (14/07/2021) M/S 11

Oleh Prof Madya Dr Siti Noorsuriani Maon dan Dr Emi Normalina Omar
bhrencana@bh.com.my

Pembukaan lebih banyak Pusat Pemberian Vaksin (PPV) antara usaha digerakkan kerajaan untuk kapasiti Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Ini untuk memastikan vaksin dapat diberikan kepada lebih ramai penerima sejajar aspirasi kerajaan untuk mencapai imuniti kelompok.

Berpandukan sumber data kajian Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), sejumlah 28,143 Orang Asli atau 45.5 peratus bersetuju menerima vaksin COVID-19.

Jumlah ini berdasarkan borang daftar vaksin diberi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Jumlah ini akan berkurangan jika kita mengharapkan masyarakat luar bandar seperti Orang Asli untuk datang sendiri secara sukarela ke PPV berhampiran.

Dengan wujudnya PPV bergerak khususnya membabitkan 17 bas MARA Liner Sdn Bhd yang diubah suai, ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar.

Operasi PPV bergerak mengikut syarat ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) dan operasinya sama seperti PPV sedia ada di seluruh negara. Ia merangkumi kaunter proses pengesahan, pendaftaran, konsultasi dan pemerhatian kepada penerima vaksin.

Setiap PPV bergerak turut disertai dua doktor dan jururawat dengan bekalan vaksin diperolehi daripada KKM.

Untuk meyakinkan 200,000 masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung menerima vaksin, KPLB memulakan pendekatan dengan memberi vaksin pelalian COVID-19 kepada Tok Batin selaku pemimpin masyarakat itu. Langkah ini berjaya menyuntik ke-



PPV bergerak bas MARA Liner dapat mempercepatkan lagi usaha kerajaan mencapai imuniti kelompok. (Foto hiasan)

yakinan dalam kalangan Orang Asli.

Menerusi PPV bergerak, proses vaksinasi dapat dipercepatkan kepada masyarakat luar bandar termasuk warga emas, Orang Asli, orang kurang upaya (OKU), gelandangan dan masyarakat yang mempunyai masalah pengangkutan.

Kemudahan ini penting untuk memastikan komuniti luar bandar memperoleh akses kepada vaksin COVID-19, sama seperti masyarakat bandar.

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Henry Sum Agong, seramai 9,163 Orang Asli menerima suntikan dos pertama dan 1,882 sudah melengkapkan dos kedua di seluruh negara.

La satu peningkatan kesedaran dalam kalangan Orang Asli terhadap imunisasi dan jumlah ini semakin bertambah.

Dari segi operasi, setiap unit PPV bergerak bas MARA Liner mempunyai sembilan kaunter vaksinasi, termasuk satu untuk OKU. Ia dijangka mam-

pu mengendalikan pemberian vaksin manfaat kepada 1,200 penerima vaksin bagi tempoh 10 jam operasi.

Operasi PPV bergerak dilancarkan bermula 3 Jun membabitkan sembilan negeri. Kawasan terbabit juga termasuk Tenom dan Kinabatangan di Sabah, Gua Musang dan Pasir Puteh di Kelantan, Hilir Perak dan Kuala Kangsar di Perak.

Kewujudan PPV bergerak ini amat bersesuaian bukan sahaja kepada masyarakat luar bandar, tetapi juga kawasan masyarakat B40 yang mempunyai masalah pengangkutan untuk ke PPV utama.

Berpandukan bantuan Sistem Maklumat Geografi (GIS), lokasi penyebaran COVID-19 serta lokasi dan maklumat integrasi berkenaan kepadatan penduduk dan ciri fizikal kawasan dapat dikenal pasti.

Ia membolehkan PPV bergerak menuju ke kawasan sasaran secara tepat untuk memberikan bantuan vaksin bagi meningkatkan imunisasi kepada penduduk terbabit.